

MAS TULIN
Fiery Minivet

FAMILI: Campephagidae
NAMA SAINTIFIK: *Pericrocotus igneus*

CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa bagi spesies ini menyerupai spesies Mas Belukar, *P. flammeus* tetapi tompokan pada bahagian sayap berwarna perang atau perang bercampur merah di mana bintik-bintik yang terdapat pada bahagian ini adalah kurang. Bahagian bawah sayap berwarna perang dan terdapat jalur merentasi bahagian ini. Bahagian ekor pula lebih kepada warna perang dan hitam pada bahagian tengah ekor. Individu betina dewasa bagi spesies ini mempunyai bahagian tongkeng dan pangkal ekor yang berwarna merah keperangan yang cerah. Pada bahagian kepala, terdapat satu jalur berwarna perang kekuningan merentasi bahagian hadapan kepala ke bahagian mata. Keseluruhan bahagian bawah badan dan rengkong berwarna kuning manakala bahagian mahkota kepala dan atas badan berwarna kekelabuan. Pada bahagian sayap, terdapat tompokan berwarna kekuningan. Individu juvenil bagi spesies ini menyerupai individu betina dewasa tetapi bahagian atas badan berwarna coklat serta terdapat jalur-jalur berwarna putih. Bahagian hujung bulu sayap adalah lebih pudar manakala pada bahagian dad terdapat bintik-bintik berwarna hitam. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di sekitar 15.0-15.5 sm.

MAKANAN

Terdiri daripada serangga-serangga kecil yang diperolehi di kawasan kanopi pokok.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap dan kawasan pinggir hutan pada ketinggian sehingga ke 1,220 m dari aras laut. Selalunya ianya dijumpai di kawasan yang berketinggian kurang dari 610 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi *sweet-eet* yang halus dan tinggi.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan April hingga Mei. Sarang dibina berbentuk seperti cawan, melekat pada bahagian dahan pokok. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2 biji berwarna kuning pudar serta terdapat bintik-bintik berwarna kelabu dan coklat. Telur ini berukuran kira-kira 20.6 X 15.2 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.
IUCN, hampir terancam.